

PM akan rasmi Pameran Usahawan

DATUK Seri Abdullah Ahmad Badawi akan merasmikan Pameran Usahawan 2004 anjuran Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi, yang akan berlangsung dari 30 Jun hingga 4 Julai 2004 di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC).

Tema Pameran Usahawan tahun ini ialah 'Ke Arah Usahawan Bertaraf Global' selaras usaha memberikan perspektif lebih luas kepada usahawan Bumiputera dalam segmen perusahaan kecil dan sederhana (PKS) untuk mempromosikan produk mereka.

Justeru, kementerian berkenaan dalam kenyataannya berkata, Pameran Usahawan yang akan dirasmikan Perdana Menteri itu adalah untuk mewujudkan jaringan pasaran dengan rantaian pembeli perdagangan, pengedar, pengguna dan usahawan lain.

Selain itu, usahawan tempatan akan mendapat khidmat nasihat dan bimbingan secara terus daripada agensi kerajaan yang berkaitan dari aspek pembiayaan dan latihan keusahawanan.

Pameran yang diadakan selama lima hari itu akan mengetengahkan usahawan Bumiputera khususnya daripada PKS. *Berita Harian* akan menjadi akhbar rasmi pameran berkenaan.

Antara PKS Bumiputera yang terbabit termasuk daripada sektor perabot; makanan dan minuman; herba dan perubatan; tekstil, perkhidmatan; teknologi tinggi; elektrik dan elektronik, bahan binaan serta teknologi maklumat dan telekomunikasi (ICT).

Pameran Usahawan 2004 akan menjadi platform penting bagi usahawan memasarkan produk mereka selain menjalinkan jaringan pasaran dengan pasar raya besar ternama di Malaysia,

Selain itu, Pameran Usahawan 2004 juga akan mempertingkatkan daya saing produk mereka melalui pendedahan dan persaingan sihat di antara usahawan.

Pameran Usahawan 2004 juga selaras dengan hasrat kementerian yang sering melaksanakan pelbagai program memastikan usahawan di Malaysia mendapat sokongan yang sewajarnya dalam membantu mengembangkan perniagaan mereka.

Tahun lalu, 127 usahawan menjayakan Pameran Usahawan 2003 yang berjaya menarik lebih 15,000 pengunjung. Selain itu, Pameran Usahawan 2003 berjaya memperoleh kontrak atau pesanan bernilai RM4.46 juta.